

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 16 BILANGAN 26 RABU 30 JUN 1971 1391 رابو 7 جمادي الاول PERCHUMA

TIDAK ADA TEMPAT DI-NEGERI INI UNTOK ANAK2 MUDA YANG GANAS

KAMPONG LAMBAK, BERAHAS. — Kerajaan tidak akan ragu2 untok menghukum sa-barang raayat muda di-negeri ini yang chuba meruntuhkan apa yang sudah di-nikmati dan sedia ada dalam masharakat.

"Tidak ada tempat di-negeri ini untok belia2 yang bersemboyankan keganasan dan kebusan. Anasir2 jahat yang tidak menguntongkan tidak akan di-biarkan untok hidup berkembang mekar di-tengah2 masharakat Brunei yang sudah hidup rukun damai."

Demikian sabda Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Setia Usaha Kerajaan sa-jurus sa-belum merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Dato Maha Wangsa Lambak pada hari Ahad lepas.

Yang Amat Mulia itu menyeru pelajar2 yang maseh di-bangku sekolah supaya menumpukan perhatian dengan sungguh2 di-lapangan pelajaran sa-hingga menchapai kejayaan yang sa-tinggi2-nya.




Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin ketika menyampaikan sabda sa-belum merasmikan sekolah tersebut. Di-belakang ia-lah Guru Besar sekolah itu, Che'gu Awang Hamdan bin Said.

Pelajar2 ini di-ingatkan bahawa ilmu pengetahuan yang tinggi tidak akan di-perolehi dengan berpelok tuboh, dengan mundur mandir di-keliling bandar tidak tentu arah tujuan, dengan tergila2 meniru kejahilan orang2 yang sudah terlalu tinggi tamaddun-nya dan dengan amalan2 yang bertentangan dengan hukum2 negara dan hukum2 Allah.

Yang Amat Mulia itu menegaskan, Kerajaan akan terus memberikan kemudahan2 pendidekan dan pelajaran kapada raayat demi untok mendapatkan tenaga2 yang terlatah dan berguna bagi pembangunan negara yang nanti-nya akan dapat menentukan dan menjamin kesegaran penghidupan masharakat.

Sempena dengan sambutan Hari Pelajar di-seluruh negeri, Yang (Lihat Muka 8)



DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 dalam temasha sukan tahunan kali yang ke-empat antara kompeni Askar Melayu Diraja Brunei pada hari Sabtu lepas.

Sukan tersebut telah di-adakan di-padang Maktab Perguruan Brunei di-Jalan Gadong selama dua hari.

Gambar atas menunjokkan Duli Yang Maha Mulia sedang menyampaikan hadiah kapada salah sa-orang peserta yang mengambil bahagian pada hari itu.

Persediaan2 Istiadat Perkahwinan Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persiapan2 telah pun di-ator bagi Istiadat Perkahwinan Diraja di-antara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin dengan Yang Mulia Pengiran Anak Salmah binte Pengiran Muda Mohammad Salleh.

Perayaan2 bagi mera'ikan istiadat tersebut akan di-mulakan pada hari Jumaat 2 Julai dengan Istiadat Menetapkan tarikh Istiadat Perkahwinan Diraja itu.

Ini di-ikuti dengan Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga di-Lapau Bandar Seri Begawan pada ke-esokan hari-nya.

Mempelai Diraja itu akan menjalani Istiadat Bersanding Diraja pada hari Rabu 14 Julai, 1971.

Istiadat2 yang akan berlangsung terdahulu sa-belum itu ia-lah:

(Lihat Muka 8)

(Lihat Muka 8)

Ganja mungkin di-seludup ka-negeri ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pesuruhjaya Pulis, Yang Amat Mulia, Pengiran Setia Raja, Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid telah menyatakan, bahawa sa-bahagian kechil drug jenis cannabis telah di-seludupkan ka-Brunei, dalam masa beberapa bulan yang lalu dan mungkin sedang di-gunakan oleh pemuda2 yang jahat.

Drug itu, biasa-nya di-kenali sa-bagai ganja dan juga di-kenali sa-bagai Marijuana

dan Indian Hemp. Getah yang telah beku dari pohon, yang di-namakan cannabis sativa itu, di-kenali sa-bagai hasis.

Pemangku Pesuruhjaya Pulis menegaskan, bahawa drug ini ada-lah membahayakan kapada kesihatan dan baru2 ini Pertubohan Bangsa2 Bersatu telah menyebut pendapat ahli2 sains mengenai kesan2-nya yang membahayakan.

Umpama-nya, empat orang ahli sains Oxford yang melakukan penyelidikan mengenai

cannabis itu telah memperolehi boki2, bahawa drug itu adalah membahayakan. Kandongan utama drug itu yang di-kenali sa-bagai T.H.C. boleh meresap ka-dalam tuboh badan, dan boleh bekumpul dalam badan saperti D.D.T.

Sa-orang lagi ahli sains, Dr. D. Harvey Powelson, Pengarah Bahagian Penyakit Jiwa di-Universiti California yang pada suatu masa mengshorkan supaya di-shahkan penggunaan

TANYA - JAWAB DENGAN PENGETUA J.H.E.U. BERHUBONG DENGAN MAKTAB PERGURUAN UGAMA

MAKTAB Perguruan Ugama di-Batu 1½, Jalan Tutong telah pun siap di-bena dan sedang menunggu untuk digunakan. Batu asas bagi pembenaan bangunan maktab tersebut telah ditetakkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan pada 8 Julai, 1968.

Dalam istiadat itu Baginda telah bertitah antara lain bahawa sa-buah negara seperti Brunei yang mengalami perkembangan2 pelajaran tidak-lah memadai sa-kadar mempunyai sekolah2 rendah dan

menengah sahaja, tetapi harus-lah mempunyai Pusat2 Pengajian Tinggi terutama sekali Maktab Latehan Perguruan.

Hasrat Baginda ini telah terlaksana dan Maktab Perguruan Ugama telah pun siap di-bena. Tentu-nya berbagai2 keperluan untuk sa-buah maktab sedang giat di-laksanakan oleh Jabatan Hal-Ehwal Ugama.

Berikut ia-lah tanya-jawab dengan Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama berhubung dengan perkara tersebut.

— Pengarang.

ma sangat2 di-kehendaki bagi memenohi tuntutan negara yang maha besar itu.

Guru2 Ugama yang mempunyai tugas yang maha besar itu tidak akan berjaya dalam tugas mereka kecuali mereka itu mempunyai ilmu pengetahuan, latihan, pengalaman dan kecekapan. Di-sini-lah letaknya Maktab Perguruan Ugama itu mustahak di-tubuhkan.

Berchakap mengenai dengan latehan Guru2 Ugama ini sa-takat yang saya tahu di-Malaysia tidak ada sa-buah pun Maktab Perguruan Ugama yang melateh Guru2 Ugama seperti Maktab2 Perguruan di-bidang lain, apa yang ada di-antaranya ia-lah dahulu Kolej Islam Malaya mengeluarkan Diploma Pendidikan, di-Johor dengan kelas khas sa-lama sa-tahun dan kursus2 Perguruan Ugama di-masa percutian sekolah.

Nampak-nya Brunei amat bernasib baik dalam bidang ini kerana sejak tahun 1967 Jabatan Hal Ehwal Ugama telah mengorak langkah mengadakan kursus Perguruan Ugama pada tiap2 malam, ia-itu lima malam dalam sa-minggu sa-lama satu tahun bagi melayakkan Guru2 Ugama menjadi Guru2 yang terlateh dan diantara tenaga2 penajar ia-lah terdiri daripada Pen-sharah2 Maktab Perguruan Melayu Brunei dan juga Guru2 dari Jabatan Pelajaran yang berpengalaman dan terlateh dalam bidang pendidikan.

Sekarang bangunan Maktab Perguruan Ugama telah siap saya tidak fikir bahawa soalan yang Awang kemukakan itu perlu lagi kepada jawapan kerana jawapannya telah terkandung semasa saya menjawab soalan yang saya kemukakan sendiri, walau bagaimana pun saya ingin menambah bahawa buat masa ini jika tidak ada Maktab Perguruan Ugama dan tidak ada Kursus Perguruan Ugama yang telah di-adakan sejak tahun

Soal: Sa-bagaimana yang di-ketahui bahawa bangunan Maktab Perguruan Ugama di-batu 1½ Jalan Tutong telah pun siap, bolehkah Pe-hin menerangkan serba sedikit mengenai dengan kelengkapan dan kemudahan yang di-dapati di-bangunan tersebut?

Jawab: Memang-lah benar bahawa bangunan Maktab Perguruan Ugama telah pun siap dan di-terima oleh Kerajaan, kelengkapan dan kemudahan2 yang terdapat didalam bangunan itu ia-lah kelengkapan2 dan kemudahan2 yang asasi bagi keperluan sa-buah Maktab2 Perguruan seperti bilek2 kelas, perpustakaan, asrama, dewan, padang permainan dan yang sa-umpama-nya.

Soal: Apakah mustahak-nya bagi negeri kita yang kecil dan membangun ini menu-buhkan sa-buah Maktab Perguruan Ugama?

Jawab: Saya fikir soalan itu patut di-dahului oleh satu soalan yang lebih penting daripada-nya ia-itu mustahakkah negeri kita ini mempunyai Guru2 Ugama yang terlateh dan berpengalaman dan mengapa ia mustahak.

Saya terpaksa menjawab soalan yang saya kemukakan ini sendiri, pertamanya Brunei ia-lah sa-buah negara yang turun temurun sa-bagai sa-buah Negara Islam sejak Awang Alak Betatar menjadi Sultan dan memelok Ugama Islam dengan nama Sultan Mohammad, kemudian perkembangan Islam itu pesat dibawah pimpinan Sharif Ali yang akhir-nya menjadi Sultan yang ketiga di-Brunei yang terkenal dengan gelaran Sultan Berkat — hinggalah sekarang ini dan pene-gasan mengenai Brunei sa-buah negara Islam ia-lah dengan ujud-nya Perlembagaan bertulis tahun 1959 ia-itu dengan kurnia Sultan Omar Ali Saifuddin yang kini terkenal dengan gelaran

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan memashhorkan Perlembagaan tersebut dan menjadikan Islam sa-bagai Ugama Rasmi Negara, dan sekarang ini Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berhasrat dengan sungguh2 untuk menjadikan Islam sa-bagai suatu chara hidup yang lengkap dan sempurna dan akan menjadikan Islam sa-bagai suatu Ideology Negara.

Dari fakta2 tadi ternyata bahawa pengajaran Ugama Islam mustahak di-ajarkan dan di-ketahui bukan saja kepada raayat dan penduduk negeri ini yang beragama Islam bahkan pada pendapat saya pengajaran Islam mustahak juga di-ajarkan kepada raayat dan penduduk yang bukan beragama Islam di-negeri ini kerana Islam telah menjadi Ugama Rasmi Negara dan ia di-titahkan untuk menjadi suatu chara hidup yang lengkap dan ia di-titahkan sa-bagai Ideology Negara.

Pengajaran Ugama Islam kepada raayat dan penduduk yang beragama Islam tidak-lah perlu di-bahaskan, tetapi pengajaran Ugama Islam kepada raayat dan penduduk yang bukan beragama Islam pada fikiran saya mustahak di-beri sedikit penjelasan, ia-itu Perlembagaan sa-sebuah negeri yang merasmikan sa-suatu itu dan apa lagi jika sa-suatu itu di-jadikan Ideology Negara di-tambah lagi dengan menjadikan sa-suatu itu suatu chara hidup yang lengkap atau dengan kata yang paling ringkas ia-lah di-jadikan kebudayaan, maka ada-lah mustahak dan wajib pada pendapat saya sa-tiap raayat dan sa-tiap penduduk dengan tidak memileh bangsa dan Ugama menghormati perkara itu, masaalah-nya bagaimanakah penghormatan akan dapat

di-buat dengan betul jika sa-seorang itu tidak tahu akan perkara itu.

Sa-bagai mithalan, sa-seorang asing pergi melawat rumah panjang, tentu orang asing itu mungkin tidak akan dapat menghormati kebudayaan atau peraturan2 di-rumah panjang itu jika orang asing itu tidak mengetahui kebudayaan dan peraturan2 di-sana dan apabila orang asing itu mahu tinggal hidup di-kalangan masyarakat rumah panjang ada-lah menjadi suatu kewajiban kepada diri-nya untuk mengetahui kebudayaan dan peraturan2 hidup di-sana supaya ia dapat hidup dalam keadaan suasaana aman dan tenteraam dalam masyarakat itu.

Perkara perlu-nya pengajaran Ugama Islam di-ajarkan kepada orang2 yang bukan beragama Islam bagi maksud2 kebaikan saya tidak fikir ia bertentangan dengan peruntukkan dalam Perlembagaan yang men-sharatkan Ugama2 yang lain boleh di-amalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya kerana ada tiga unsur yang peting dalam perkara ini yang perlu di-perhatikan, pertama Ugama Islam itu hanya sa-takat di-ajarkan untuk pengetahuan-nya dan untuk kepentingan-nya supaya dapat hidup aman dan tenteram dalam satu masyarakat yang menjunjong tinggi Ugama Islam, kedua Ugama Islam tidak di-paksakan ka-atas mereka untuk memelok-nya, ketiga Ugama2 yang lain boleh di-amalkan dengan aman dan sempurna.

Berdasarkan perkara2 yang saya sebutkan tadi, maka timbul-lah pertanyaan siapakah yang akan berdiri di-barisan depan bagi meng-ajarkan dan menyebarkan Ugama Islam itu, izinkan-lah saya sendiri menjawab bahawa tenaga Guru2 Uga-



KHUTBAH JUMA'AT

HUKUM MELETAKKAN NISAN DI-ATAS KUBOR

Keputusan peraduan bacha Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai tiga puluh lima orang murid lelaki dan perempuan dari sekolah2 Bahagian Brunei Satu, telah mengambil bahagian dalam peraduan membach a Quran dan sharahan ugama antara sekolah2 yang berlangsung di-Madrasah Bandar Seri Begawan, pada hari Jumaat lalu.

Keputusan peraduan ada-lah seperti berikut:

Bachaa Quran Bahagian Lelaki: Pertama — Awangku Abdul Aziz bin Pengiran Sabtu dari Sekolah Ugama SMJA dan kedua, Awang Abdul Rashid bin Rahman, Sekolah Ugama Madrasah.

Bahagian Perempuan: Pertama — Dayang Sa'adiah binte Metussin, Sekolah Ugama Kiu-lap dan kedua, Dayangku Salbiah binte Pengiran Salleh, Sekolah Ugama Lorong Dalam.

Peraduan Sharahan Bahagian Lelaki: Pertama—Awang Marsal bin Haji Yahya, sementara **Bahagian Perempuan** di-menangi oleh Malai Nurdiah Malai Mohamad, kedua2-nya dari Sekolah Ugama Madrasah, Bandar Seri Begawan.

Pemenang2 dalam peraduan2 ini akan mewakili Brunei Satu ka-peraduan peringkat Daerah yang akan tidak berapa lama lagi.

PERUBAHAN HARIBULAN HIJRAH

KADZI Besar telah men-thabitkan sa-chara ro' yah bahawa 1hb. Rabiul Akhir, 1391 jatuh pada hari Rabu bersamaan dengan 26hb. Mei, 1971. Oleh yang demikian Umat Islam di-negeri ini ada-lah di-nasihatkan supaya melekaskan sahari haribulan hijrah yang terchatek dalam taquem yang di-keluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei bagi tahun hijrah 1391, dan bagi Pegawai2 Kerajaan ada-lah di-nasihatkan supaya menggunakan haribulan hijrah yang terchatet dalam buku peringatan harian rasmi 1971.

Di-serukan kepada umat Islam di-tanah ayer kita ini supaya

meletakkan
dua batang
nisan
bagi tiap2
kubor saudara2
kita, ia-itu
di-arah kepala
dan kaki

DI-DALAM Khutbah Jumaat yang lalu kita telah memperkatakan satu perkara yang berhubung dengan chara sa-bahagian umat Islam di-tanah ayer kita memilih tempat menguburkan jenazah. Manakala dalam Khutbah kali ini, kita sukachita pula memperkatakan satu lagi perkara yang ada hubongannya dengan perletakkan nisan di-kubor kaum muslimin kita.

Ulama2 Shafi'eyah mempunyai dua pendapat mengenai hukum meletakkan nisan di-atas kubor sa-seorang Islam sa-lepas di-tanamkan jenazahnya di-dalam kubor. Satu pendapat menyatakan ada-lah sunat di-letakkan satu tanda sama ada batu atau kayu atau sa-bagai-nya di-arah kepala kubor si-mati. Pendapat ini telah ketengahkan oleh Al-Imam Shafie, Al-Imam Shiraazi, Al-Imam Munnawaiyu, Al-Imam Ibnu Hajar dan lain2.

Sedangkan satu pendapat lagi menyatakan bahawa ada-lah sunat di-letakkan dua tanda sama ada batu atau kayu atau se-umpama-nya di-arah kepala dan kaki kubor si-mati. Pendapat ini telah di-ketengahkan oleh Al-Imam Almarwardi dan telah di-terima oleh Shaikhul-Islam Al-Saikh Zakaria Ansari, Al-Imam-mur Ramli Al-Imamul Khatib Sharbini dan lain2 lagi.

Dalam Khutbah ini tidak-lah kita bermaksud menghu-raikan hujjah2 para ulama tersebut tetapi oleh kerana pendapat2 tersebut di-ketengahkan oleh ulama2 besar dalam mazhab Shafie maka kaum muslimin di-haruskan dan di-bolehkan mengikut mana2 daripada dua pendapat tadi. Artinya sama ada meletakkan satu tanda di-arah kepala ku-

bor si-mati atau meletakkan dua tanda ia-itu arah kepala kaki si-mati ada-lah kedua2-

Jika kita tinjau perkuboran nya mendapat pahala sunat. orang2 Islam di-tanah ayer kita neschaya kita dapati bahawa kebanyakan daripada kita sa-lama ini meletakkan nisan sama ada batu kayu di-tengah2 kubor si-mati. Walau pun apa yang telah kita lakukan ini tidak mendatangkan dosa dan boleh juga menghasilkan maksud untuk memberikan tanda untuk mengenal kubor sa-seorang, tetapi sa-bagai umat Islam yang sentiasa ingin menchari dan mengerjakan amal kebajikan yang lebeh baik dan sempurna, maka ada-lah lebeh manasabah dan sesuai pada masa ke hadapan nanti kita akan mengubah kebiasaan kita itu sesuai dengan hukum ugama Islam sa-bagaimana yang kita terangkan tadi.

Oleh kerana meletakkan dua nisan ia-itu di-arah kepala dan kaki kubor si-mati itu pun hukum-nya sunat, dan dengan-nya ada-lah di-fikirkan lebeh manasabah untuk memberikan tanda panchang pendek dan jau dekat-nya jarak sa-sebuah kubor dengan kubor yang lain2, yang mana dengan demikian lebeh memudahkan bagi kita masing2 berjaga2 daripada memijak atau dudok di-atas kubor sa-seorang, maka ada-lah di-serukan supaya umat Islam di-tanah ayer kita ini di-masa2 akan datang meletakkan dua batang nisan bagi tiap2 kubor saudara2 kita umat Islam dan meletakkan di-arah kepala dan kaki kubor si-mati, bukan-nya di-tengah2 kubor sa-bagaimana yang terdapat di-kebanyakan perkuboran orang2 Islam di-tanah ayer kita sekarang ini.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 30 Jun, 1971 hingga ka-hari Selasa 6 Julai, 1971 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
30 Jun		12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-53	6-10
1 Julai		12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11
2 Julai		12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11
3 Julai		12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11
4 Julai		12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11
5 Julai		12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11
6 Julai		12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Persembahan2 penduduk2 kampung

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penghulu2 dan ketua2 kampung di-Daerah Brunei-Muara telah mengadakan mashuarat kerana merundingkan persembahan2 untuk Istiadat Perkahwinan Diraja, telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu lepas.

Awang Abdul Aziz yang memperkerusikan sidang itu menyatakan, penghulu dan ketua2 kampung ada-lah di-seru supaya mengarahkan anak2 buah mereka, untuk mengambil bahagian dalam persembahan2 yang berchorak kebudayaan semasa sambutan Istiadat Perkahwinan Diraja itu.

Semua acara persembahan itu, terlebih dahulu hendak-lah di-hantarkan ka-Pejabat Daerah Brunei-Muara untuk di-luluskan.

PELITA BRUNEI

30hb. Jun, 1971.

KEGANASAN BUKAN TEMPAT-NYA DI-BRUNEI.

"KERAJAAN tidak akan ragu2 untuk menghukum sa-
barang raayat muda yang chuba
meruntuhkan apa yang sudah
di-nikmati dan sedia ada dalam
masharokat kita.

Kita tidak mempunyai tem-
pat di-Brunei dan dalam ma-
sharokat Brunei untuk belia2
yang bersembayankan kegana-
san dan yang bersembayankan
kebuasan. Kita tidak akan
membiarkan anasir2 jahat yang
tidak menguntungkan untuk hi-
dup berkembang mekar di-
tengah2 masharokat kita yang
sudah hidup rukun-damai".

Demikian yang telah di-je-
laskan oleh Yang Amat Mulia
Pengiran Dipa Negara, Pengi-
ran Momin bin Pengiran Haji
Ismail, Setia Usaha Kerajaan
Brunei ketika bersabda sa-be-
lum merasmikan pembukaan
Sekolah Melayu Dato Maha
Wangsa Lambak.

Penjelasan dari Yang Amat
Mulia itu sudah cukup untuk
mengetahui betapa Kerajaan
Duli Yang Maha Mulia Padu-
ka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan akan melak-
sanakan tindakan2 yang tegas
terhadap perbuatan2 yang ber-
tentangan dengan hukum2 ne-
gara yang berhendakkan sa-tiap
penduduk dan raayat hidup
dalam rukun dan damai.

Perbuatan2 yang bersemba-
yankan keganasan dan kebu-
asan tidak hanya di-maukan oleh
orang2 yang cukup waras dan
di-tegah oleh hukum2 negara
dan ugama, tetapi dari perka-
taan ganas dan buas itu saja
sudah cukup meremangkan
bulu ruma kita. Apa lagi untuk
melihat orang2 yang ganas dan
buas itu tinggal atau bertapak
di atas bumi yang penghuni-
nya hidup dalam nikmat2 ke-
tenteraman sa-lama ini.

Maka sudah wajar-lah pem-
berantasan dari melakukan per-
buatan2 yang demikian di-la-
kukan dengan lebeh tegas lagi
saperti yang di-nyatakan oleh
Yang Amat Mulia itu ia-itu un-
tuk menghukum mereka jika
thabit kesalahan yang sa-umpa-
ma itu.

Walau pun kerap kali di-te-
gaskan bahawa perbuatan2
yang di-katakan ganas dan buas
itu ada-lah di-perchayai dari
pengaruh2 luar, tetapi jika
asohan2 keperibadian bangsa
kita dan penanaman semangat
untuk menghormati hukum2
negara serta pengawasan yang
rapi terhadap anasir2 yang ti-
dak di-ingini itu sentiasa di-
lakukan dengan hati2, maka
keburukan2 yang demikian ti-
dak akan seganas yang kita ta-
kutkan sekarang.

Raayat dan penduduk negeri
ini harus-lah menyumbangkan
jasa baik mereka untuk sama2
membuktikan keberanian me-
reka pada memberantas per-
buatan2 yang bukan dari wari-
san bangsa kita yang terkenal
bersopan santun sa-lama ini.

Kita harus menghalang anak2
muda kita dari tergila2 meniru
kejahilan orang2 yang sudah
terlalu tinggi tamaddun-nya
dan menghalang anak2 muda
kita dari di-perangkan oleh
kumpulan2 liar, khas-nya yang
bukan dari bangsa kita.



Malam Budaya S.M.S.M.J.A.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Badan Kesenian dan Kebu-
dayaan Sekolah Menengah SMJA, Bandar Seri Begawan akan
mengadakan Malam Pementasan Budaya di-Dewan sekolah itu
pada 3 Julai mulai pukul 7.30 malam.

Perlumbaan go-kart antara bangsa di-adakan 11 Julai

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Perlumbaan Go-Kart Anta-
ra Bangsa Brunei yang ke-em-
pat akan di-adakan di-Kemah
Berakas pada hari Ahad 11
Julai pukul 10.00 pagi.

Perlumbaan itu yang di-an-
jorkan oleh Kelab Moto Diraja
Brunei, ada-lah salah satu da-
ri acara2 yang sangat mena-
rek dalam pesta2 untuk mera-
yakan Hari Keputeraan Duli
Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan dalam bulan de-
pan.

Beberapa orang pelumba se-
berang luar yang terkemuka
di-jangka akan mengambil ba-
hagian dalam perlumbaan itu.

Sementara itu, Kelab Moto
Diraja Brunei akan mengada-
kan satu majlis tari di-Paris
Hall Seria pada hari Sabtu 3
Julai mulai pukul 8.00 malam.

Malam Budya itu akan di-
rasmikan pembukaan-nya oleh
Pemangku Penguasa Pelajaran
Melayu, Awg. Hussain bin
Mohammad Yusof dan isteri
beliau akan menyampaikan
hadiah2.

Beberapa peraduan akan di-
adakan, termasuk peraduan
feshen rambut panjang bagi
penuntut2 perempuan, pera-
duan nyanyian bagi lelaki dan
perempuan, peraduan pakaian
beragam bagi penuntut2 lelaki
dan tarian Melayu Asli, akan
di-adakan pada malam itu.

Lain2 persembahan ia-lah
satu Teridera Khan dan sa-
buah lakunan drama.

Penyanyi2 tempatan juga
akan di-jemput mengambil
bahagian dalam persembahan
itu.

Masok untuk menyaksikan
persembah itu ada-lah dengan
tiket yang boleh di-dapati dari
Che'gu Awangku Suhaimi bin
Pengiran Wahid, Che'gu Mu-
hammad Haji Yassin dan
Che'gu Haji Ali Ibrahim.



SEKOLAH Melayu Puser Ulak ada-lah salah sa-buah sekolah yang
mengadakan Hari Pelajar pada Hari Khamis lepas. Gambar atas
menunjukkan suasana di-sekolah tersebut ketika di-kunjongi oleh ibu2
bapa dan penjaga murid pada hari itu.

GAMBAR atas menunjok-
kan Sekolah Melayu
Dato Maha Wangsa, Lam-
bak yang telah di-rasmikan
pembukaan-nya oleh Setia
Usaha Kerajaan, Yang
Amat Mulia Pengiran Dipa
Negara Pengiran Momin
pada hari Ahad lepas.

Sekolah tersebut telah di-
bena dalam tahun 1968 ba-
gi menggantikan sekolah
sementara di-bena oleh pe-
ndukok2 di-kampung itu.

Perlawanan bola ping - pong

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Perlawanan bola ping pong
akan di-adakan sa-bagai salah
satu dari acara sambutan
ulang tahun hari keputeraan
D.Y.M.M. Paduka Seri Bagin-
da Sultan dan Yang Di-Per-
tuan di-Daerah Brunei-Muara.

Perlawanan itu di-anjorkan
oleh Ikatan Persatuan Belia
Bunut dan terbuka hanya ka-
pada persatuan2 belia, kebaji-
kan dan sekolah2 menengah
di-Daerah Brunei-Muara.

Sa-orang juruchakap jawat-
ankuasa yang menganjorkan
pertandingan itu berkata, tiap2
pasokan hendak-lah mengand-
ongi empat orang pemain te-
tapi tidak melebihi dari enam
orang. Tiap2 persatuan atau
sekolah boleh menghantar dua
pasokan.

Bayaran masok ia-lah \$5.00
bagi tiap2 satu pasokan dan
perlawanan di-jalankan menu-
rut sistem kalah mati.

Borang2 tidak lama lagi
akan di-kirinkan kepada per-
satuan2 belia, kebajikan dan
sekolah2 menengah, dan ia-nya
hendak-lah di-kembalikan ber-
sama wang bayaran masok, ti-
dak lewat dari 22 Julai. Bo-
rang2 itu boleh di-dapati dari
Awang Mohamed Abas bin
Hidup di-Sekolah Pertukang-
an Jalan Muara; Awang Haji
Seruji bin Muhamed Pejabat
Jabatan Kerja Raya atau ka-
pada Awang Adnan bin Mo-
hamed Salleh di-Dewan Baha-
sa dan Pustaka Bandar Seri
Begawan.

Guru2 di-seru supaya mendidik dengan jujur

PEKAN TUTONG.

Pegawai Daerah Tutong Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mahamed Salleh telah menyeru kepada semua guru2 di-Daerah itu supaya mendidik, memimpin dan melatih murid2 dengan jujur dan ikhlas untuk menjadikan mereka warga negara2 yang berguna kepada dan negara dan ta'at setia kepada kerajaan.

Pegawai Daerah itu berucap demikian semasa merasmikan Sukan Tahunan sekolah2 rendah Tutong Satu di-Padang Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim petang pada hari Khamis lepas.

Beliau berkata, kerjasama antara guru2 dan ibu bapa2 ada-lah amat perlu untuk mengambil perhatian berat terhadap pelajaran anak2 dan mengasah moral yang baik bagi menempoh perkembangan pelajaran sains dan teknologi.

Sa-ramai 235 orang murid dari 12 buah sekolah rendah Tutong Satu telah mengambil bahagian dalam temasha sukan pada hari.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid telah menyampaikan hadiah2.

Sementara itu sekolah2 Melayu Tutong Dua juga telah mengadakan sukan yang sama hari Sabtu 26 Jun di-padang Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim.

Demam kepialu: Orang ramai di-seru jaga kebersehan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perubatan dan Kesihatan, telah menasihatkan orang ramai, supaya melaksanakan langkah berjaga2 bagi mencegah penyakit demam kepialu dari merebak di-negeri ini.

Jabatan itu berkata, orang ramai, hendaklah selalu minum ayer yang sudah di-masak, dan makan, hanya makanan yang di-masak.

Mereka hendaklah mencuci tangan dengan sabun dan ayer, sa-lepas buang ayer, dan sa-belum makan.

Ibu-bapa hendaklah melambatkan anak2 mereka supaya jangan membeli ice-cream dari penjaja2 yang tidak berlesen.

Semua barang makan, hendaklah di-tutup, dan jangan di-hinggapi lalat, dan semua sampan sarap mesti-lah di-bakar dan tempat lalat membiak, hendaklah di-musnahkan.

Sementara itu rombongan2 dari Jabatan Perubatan dan Kesihatan sekarang melawat sekolah2 dan kampung2 di-



Pmk. Pesurohjaaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pg. Jaya menyampaikan oskar di-temasha tersebut.

Pameran urusan-rumah tangga anjoran Persatuan Melayu Keriam

PEKAN TUTONG. — Satu pameran urusan rumah-tangga akan di-adakan sa-bagai satu dari acara sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei di-Daerah Tutong.

Pameran itu di-anjorkan oleh Persatuan Melayu Keriam Tutong, PESAKA, dan akan di-adakan pada 30 Julai di-Sekolah Melayu Muda Hashim.

shim.

Sa-orang juruchakap bagi jawatankuasa penganjor berkata, pameran itu hanya terbuka kepada kaum perempuan di-Daerah Tutong saja.

Peserta2 mesti-lah berusia lebih dari 16 tahun dan mereka hendaklah bukan dari golongan guru2 kelas urusan rumah-tangga, ataupun mereka yang menghadhiri kursus demikian itu.

Antara barang2 yang di-pamerkan ia-lah sulam-menyulam, gubahan bunga2 dan masak2an.

Juruchakap itu menambahkan, peserta2 boleh menghantarkan dua jenis2 dalam tiap2 satu bahagian.

Borang2 permohonan boleh di-dapati dari Dayang Zainah Haji Abdul Wahab, di-Sekolah Melayu Muda Hashim, dan Dayang Mastura bte. Masri, di-Kampung Keriam, Tutong.

Borang2 itu mesti-lah di-hantar kembali kepada Pengerusi atau Setia Usaha pertunjukan urusan rumah-tangga tidak lewat dari 10 Julai.

Peraduan berchuchol rumah2, bangunan2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan berchuchol di-rumah2, bangunan2 perniagaan dan kedai2 akan merupakan sa-bahagian dari acara perayaan sambutan ulang tahun hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, di-Daerah Brunei-Muara.

Sa-orang juruchakap jawatankuasa peraduan itu berkata, peraduan itu ada-lah bagi bangunan2 yang mengguna-

kan kuasa letrik di-Bandar Seri Begawan; Jalan Subok; Jalan Tutong hingga ka-batu 10; Jalan Gadong hingga ka-Ibu Pejabat Pulis Di-Raja Brunei; di-sepanjang Jalan Berakas hingga ka-batu 6 dan Jalan Muara hingga ka-batu 9.

Peraduan itu akan di-bahagikan kepada tiga, ia-itu bahagian rumah2, bangunan2 perniagaan dan kedai2.

Sembilan orang penuntut

lanjutkan pelajaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sembilan orang Penuntut dari Maktab SOAS di-Bandar Seri Begawan telah berlepas ka-Malaysia Barat pada hari Isnin lepas untuk melanjutkan pelajaran mereka di-Maktab Taylor, Kuala Lumpur atas biasiswa kerajaan.

Mereka itu ia-lah Awang Zainal bin Haji Momin, Ak. Rakawi bin Pengiran Sabli, Awang Alias bin Haji Shari, Awang Morshidi bin Shafiee, Awang Abdul Rahman bin Mohiddin, Awang Mohamad Yusof bin Chuchu dan Awang Ahmad bin Haji Tudin.

Sa-orang lagi penuntut, Ak. Ramli bin Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya juga berlepas ka-Malaysia Barat pada hari itu untuk melanjutkan pelajaran-nya di-maktab yang sama dengan perbelanjaan sendiri.

23 buah pasokan sertai perlawanan badminton

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 23 pasokan terdiri dari Persatuan2 Belia dan Kebajikan dan Kelab2 akan menyertai perlawanan Badminton mulai 5 Julai hingga 28 Julai di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan, jam 7.00 malam.

Tiga dari pasokan itu dari Daerah Belait, dua dari Daerah Temburong dan yang lain2 di-Daerah Brunei/Muara.

Perlawanan pertama 5 Julai di-antara Pasokan Kelab Hongkong Bank dengan Kelab Pejabat Letrik. Persatuan Sumbiling 'A' bertemu dengan S.R.C. 'A' pada 6 Julai dan pada 7 Julai Kelab J.K.R. bertemu dengan Persatuan TIBA.

Perlawanan itu di-adakan kerana menyambut hari Keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-25 tahun dan di-anjorkan oleh Persatuan Kebajikan Kampung Lambak.

Borang2 untuk menyertai peraduan itu boleh di-dapati dari Setia Usaha Peraduan Berchuchol dan Pintu Gerbang di-alamatkan Jabatan Kerja Raya Bahagian Bangunan, Bandar Seri Begawan.

Rumah2 dan bangunan yang mengambil bahagian hendaklah menyalakan lampu2 chuchol mereka pada tiap2 malam dari 15 hingga 17 Julai, ia-itu dari pukul 7.00 hingga 12.00 tengah malam.

(Dari Muka 2)

1967 itu kemanakah kita boleh menghantar Guru2 Uga-ma berlateh dengan sa-chu-kup-nya dengan mengingat bahawa mereka itu mempuny-ai latar belakang bahasa penghantar-nya ha n y a mengenai bahasa Melayu.

Saya telah berchakap pan-jang mengenai dengan soal-an yang kedua ini, saya fikir chukup-lah dan kalau ada soalan2 lain lagi.

Soal: *Apakah sa-telah sudah berdiri-nya sa-buah Maktab Perguruan Ugama di-Brunei maka Jabatan Pehin tidak lagi menghantar Guru2 Uga-ma dan Pegawai2 ka-sa-berang laut untuk menchari ilmu pengetahuan?*

Jawab: Sa-belum saya men-jawab saya terfikir satu per-kara yang agak sama, ia-itu sa-sudah berdiri-nya Mak-tab Perguruan Brunei yang mula2-nya bertempat di-Jalan Berakas dan sekarang ini berpindah ka-Jalan Ga-dong adakah Jabatan Pela-jaran memberhentikan lateh-an Guru2-nya ka-saberang laut saperti ka-Malaya dan ka-England dan adakah di-berhentikan penghantaran Pegawai2 bagi menambah-kan pengalaman dan ilmu pengetahuan, sa-takat yang saya tahu latehan Guru2 ka-luar negeri bagi menambah-kan pengetahuan dan penga-laman ada-lah berjalan terus.

Untuk menjawab soalan Awang, perlu saya mene-rangkan bahawa Maktab Perguruan Ugama tujuan asasi-nya ia-lah untuk mem-berikan latehan perguruan, dalam pada itu ada-lah di-ranchangkan juga terta'alok kepada keadaan untuk mem-buat kegiatan2 yang bercho-rak Ugama saperti latehan2 untuk Pegawai2.

Satu perkara yang ingin saya terangkan bahawa Ja-batan Hal Ehwal Ugama belum pernah menghantar Guru Ugama berlateh di-luar negeri di-mana2 jua pusat latehan perguruan ke-rana pusat yang sa-demikian tidak ada yang sesuai bagi mereka kechuali menghantar Guru melawat sambil be-lajar dalam tempoh yang amat singkat dan menghant- ar beberapa orang guru un- tok belajar memasak, jadi saya fikir tidak-lah timbul masalaah pertanyaan Awang itu, walau bagaimana pun sa-bagai suatu ranchangan yang perlu di-fikirkan ia-lah hadith Nabi yang mengan- jurkan supaya ilmu penge- tahuan itu di-tuntut walau pun hingga ka-negeri China.

Soal: *Adakah berma'ana sa- tiap Guru2 Ugama yang su-*

TANYA-JAWAB DENGAN PENGETUA J.H.E.U. BERHUBONG DENGAN MAKTAB PERGURUAN UGAMA

dah memperolehi sijil dari Maktab ini, sama taraf ke- layakkan-pelajaran-nya de- ngan guru2 keluaran mak- tab2 perguruan Ugama yang lain di-saberang laut, saperti Malaysia Barat mau pun di-Republik Singapura?

Jawab: Sa-takat yang saya tahu tidak ada Maktab Per- guruan Ugama baik di- Malaysia mahu mahu pun di-Republik Singapura, jadi tidak-lah timbul masalaah persamaan taraf sa-bagai- mana yang Awang kemuka- kan itu, barangkali maksud

Awang ia-lah untuk enge- tahui taraf atau kelayakkan penuntut2 yang telah lulus latehan-nya daripada Mak- tab Perguruan Ugama Bru- nei ini, kalau ini-lah yang Awang maksudkan, pada fikiran saya ada-lah di-ran- changkan supaya taraf dan

kelayakkan penuntut2 yang lulus dari Maktab ini tidak akan kurang daripada taraf dan kelayakkan penuntut2 yang telah lulus daripada Maktab Perguruan Melayu Brunei dahulu-nya dan Maktab Perguruan Brunei sekarang.

DAN, berikut ini-lah pula tugas2 yang sedang di- usahakan dengan penoh perhatian oleh Pen- getua Maktab Perguruan Ugama yang pertama, Awg. Haji Othman bin Bidin saperti jawapan2 yang di- berikan beliau dalam temu-ramah khas. — Peng- arang.

TEMU-RAMAH DENGAN PENGETUA MAKTAB PERGURUAN UGAMA

Soal: *Apakah ada persiapan yang telah di-buat oleh Chegu Haji Othman dalam menyelenggarakan Maktab Perguruan Ugama?*

Jawab: Persiapan2 yang tel- ah di-buat pada masa ini kami sedang menyusun das- ar2 Maktab Perguruan Ugama, termasuk-lah me- mikirkan jenis2 mata pela- jaran yang akan di-ajarkan, waktu2 belajar, sukatan pe- lajaran, sharat2 memasoki Maktab Perguruan Ugama, selain dari itu menyediakan buku2 bachean, buku2 ro- jokan dan buku2 perpusta- kaan. Pendek-nya persedia- an ini belum dapat di-sele- saikan dengan masa yang sengkat. Tetapi saya yakin pada akhir tahun ini sa- harus-nya akan selesai bagi peringkat permulaan.

Soal: *Bilakah bangunan itu akan menerima penuntut2 buat pertama-nya?*

Jawab: Di-chadangkan me- nerima penuntut pertama pada awal tahun 1972 boleh jadi pada bulan Januari.

Soal: *Berapa ramai penun-*

tut yang boleh di-tampung bangunan itu?

Jawab: Bangunan Maktab Perguruan Ugama ini boleh menampung kira2 200 hing- ga 250 orang penuntut.

Soal: *Adakah sa-tiap mereka yang masok Maktab Per- guruan Ugama itu akan di- mestikan tinggal di-Asrama Maktab itu?*

Jawab: Tiap2 penuntut akan di-mestikan tinggal di-asra- ma kechuali jika asrama ti- dak menchukupi.

Soal: *Apakah sharat2 untuk masok Maktab Perguruan Ugama itu?*

Jawab: Sharat2 untuk me- masoki Maktab tersebut ma- seh dalam pertimbangan yang teliti dan akan di- umumkan apabila tiba masa-nya.

Soal: *Berapa tahun tiap2 satu latehan?*

Jawab: Penuntut2 akan di- beri kursus sa-lama tiga ta- hun.

Soal: *Bagaiman pandangan daripada Chegu Haji Oth- man dalam menyelenggara- kan sa-buah Maktab yang baru?*

Jawab: Menyelenggarakan sa- buah Maktab Perguruan yang baru boleh di-katakan susah kerana banyak per- beda-nya dengan Seko- lah2 dan Maktab Perguruan Umum. Tetapi jika kemu- dahan2 senang di-dapati tentu-lah menjadi kurang kesusahan.

Soal: *Bagaiman tentang Pen- sharah2 di-Maktab tersebut?*

Jawab: Pensharah2 di-Mak- tab ini dapat-lah di-bahagi- kan kepada dua:

1. Pensharah2 dalam bi- dang pendidekan dan mata pelajaran umum.
2. Pensharah2 dalam bi- dang Pelajaran Ugama.

Nampak-nya Pensharah dalam bidang mata Pelajar- an Ugama itu tidak-lah ba- gitu menjadi masalaah ke- rana di-fikirkan Jabatan Hal Ehwal Ugama mempunyai tenaga2 pengajar yang agak chukup. Mengenai dengan Pensharah2 dalam bidang Pendidekan dan mata Pela- jaran Umum ada dua ke- mungkin-nya yang di-hadapi:

Pertama: Akan di-usaha- kan kerjasama yang erat dengan Jabatan Pela- jaran bagi meminjam Pensharah2 yang berke- layakkan buat sementara.

Kedua: Ia-lah mengusaha- kan pengambilan Pen- sharah2 tetap daripada orang2 yang berkelayak- kan sama ada yang terdiri dari raayat negeri ini atau pun dari luar negeri.



Bangunan Maktab Perguruan Ugama yang baru terletak di-Batu ½ Jalan Tutong.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI AHLI KIMIA UBAT

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa bagi jawatan Ahli Kimia Ubat di-Negeri Brunei.

Kelayakan2:

Yang berikut ada-lah berhak untuk di-lantik:-

Pemohon2 yang mempunyai

- (a) Diploma Ahli Ubat daripada Maktab Perubatan King Edward VII, Singapura, atau Diploma atau Degree Ahli Ubat daripada Universiti Malaya atau

- (b) Mereka2 yang mempunyai sebarang kelulusan yang diakui oleh persatuan Ahli Kimia Ubat Great Britain, yang membolehkan mereka itu di-daftar sa-bagai Ahli Kimia Ubat di-Great Britain.

- (c) Pemohon2 mesti mempunyai pengalaman dalam dispensary rumah sakit sejak lulus serta mempunyai pengalaman dalam kerja membeli sa-chara besar2an dan meng-enai dengan kira2 setor dan menyimpan bekalan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B.2 — B\$1020x40-1620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Tempoh Perkhidmatan:

Sa-chara berkontrek sa-lama tiga tahun, dan kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-pemohon di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat, Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 22hb. Julai, 1971.

Taliprinter Operator

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 Taliprinter Operator di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei. (3 kekosongan).

Kelayakan2:

Pemohon2 hendak-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris atau sa-banding dengan-nya. Hanya pemohon2 yang fasih bertutur dalam bahasa Melayu dan Inggeris akan di-pertimbangkan.

Umor di-antara 17 dan 25 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — B\$210x10-270x15-360x20-480/EB/500x20-620.

Pemohonan2 yang mesti di-pemohon di-atas borang2 yang boleh di-perolehi dari Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 6 Julai, 1971.

Jururawat Kesihatan Rendah Perchubaaan

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 perempuan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan Jururawat2 Kesihatan Rendah Perchubaaan dalam Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

- (a) Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah VII Sekolah Melayu atau Tingkatan I Inggeris.
- (b) Pemohon2 mesti-lah sa-orang yang bujang.

Umor:

Di-antara 18 dan2 5 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 — \$200x10-270/EB/280x10-330.

Chalun2 yang berjaya ada-lah di-kehendaki berkhidmat dalam perchubaaan sa-lama dua tahun dan hendak-lah menjalani kursus latihan praktikal di-Pusat Kesihatan di-Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-pemohon di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10hb. Julai, 1971.

Sa-bagai Tukang Kebun

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Tukang Kebun di-Pejabat Daerah Kuala Belait, Kuala Belait.

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 45 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1 EB 2 — \$160x5-175/EB/180x5-195.

Pemohonan2 yang mesti di-pemohon di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 3 Julai, 1971.

Penulong Jururawat2 Perchubaaan

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 perempuan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantik sa-bagai penulong Jururawat2 Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah bujang dan berumur 18 tahun ka-atas. Mereka mesti-lah lulus Tingkatan I Inggeris, atau Darjah VI Melayu dan mempunyai sedikit pengetahuan dalam bahasa Inggeris.

Tingkatan Gaji:

Penulong Jururawat Perchubaaan dan Penulong Jururawat Terlateh E. 1-2 EB 3 — \$200x10-230/240x10-270/EB/280x10-330.

Penulong Jururawat Kanan — D.3 — \$380x20-480.

Elaon:

Pakaian seragam akan di-beri perchuma. Tempat tinggal akan di-sediakan semasa dalam latehan. Selain dari itu elaon makan sa-banyak \$35/- sa-bulan di-bayar semasa dalam tempoh perchubaaan.

Tempoh Perchubaaan:


Tempoh perchubaaan biasa-nya ialah selama 2 tahun.

Pemohonan2 yang mesti di-pemohon di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 17hb. Julai, 1971.



GAMBAR atas menunjukkan satu rombongan penuntut2 dari Maktab Perguruan Brunei yang telah mengadakan lawatan ka-pusat pertanian Luahan baru2 ini.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



Kesan akibat ganja

(Dari Muka 1)

an marijuana, sekarang mengingatkan bahawa drug itu mungkin membahayakan. Dr. Powelson berkata, perubahan pendapatnya itu adalah berikutan rawatan-nya ka-atas 500 orang penuntut dalam masa lima tahun lalu.

Dr. Powelson berkata, baha-wa mula2 sekali kesan meng-gunakan drug itu ia-nya boleh menghilangkan fikiran yang menyebabkan sa-seorang itu ti-dak menyedari akan perbuat-an-nya. Satu lagi akibat-nya ia-lah berlaku-nya hilang akal.

Pemangku Pesuruhjaya Pu-lis ingin memberikan ingatan kepada orang ramai supaya jangan menggunakan drug itu. Beliau juga menasehatkan ka-pada ibu2 bapa, supaya mem-beritahu anak2 mereka yang berusia belasan tahun meng-enai kesan2 yang membahaya-kan akibat penggunaan drug itu.

Beliau juga menyeru orang ramai yang mempunyai mak-lumat berhubung dengan peng-yeludupan drug itu ka-negeri ini, supaya melaporkan-nya kepada sebarang pegawai pulis atau ka-balai2 pulis.



Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pg. Momin kelihatan sedang menanam pokok mangga di-kawasan Sekolah Melayu Dato Mahawangsa sa-telah beliau merasmikan sekolah tersebut.

Peraduan Gulingtangan anjoran Majlis Belia2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia2 Negeri Brunei akan menganjorkan peraduan Gulingtangan bersempena menyambut perayaan Perkahwinan Diraja dan Hari Kepu-teraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Peraduan yang julong2 kali-nya di-adakan di-negeri ini ada-lah terbuka kepada persatu-an2 belia dan kebajikan, kampung2, kumpulan atau orang2 perseorangan di-seluruh negeri.

Peraduan tersebut akan di-bahagikan ka-pada dua bahagian — perseorangan dan ber-pasokan.

Peserta perseorangan di-kehendaki memalu Gulingtangan sa-banyak tiga jenis pukulan (lagu) dan tiap2 jenis pukulan tidak kurang dari dua minit.

Sementara bahagian berpasokan akan di-kehendaki memalu semua alat2 permainan se-kurang2-nya tiga jenis pukulan (lagu) dalam jangka masa tidak kurang dari lima minit da-lam tiap2 pukulan.

Tiap2 peserta ada-lah di-kehendaki menyatakan pukul-an (lagu) sa-waktu mendaftar.

Semua peserta yang menyertai peraduan ini ada-lah di-kehendaki memakai pakaian kebangsaan sa-masa pertan-ding.

Alat2 permainan, saperti Gulingtangan, Chanang, Ta-wak2, Gong, Gendang Labek akan di-sediakan oleh pengan-jor.

Pendaftaran boleh di-buat sa-chara bersurat atau berhu-bong terus kepada Awang Abd. Latif Haji Ibrahim, Pe-jabat Muzium atau Awang Ahmad bin Arshad, Jabatan Penyiaran dan Penerangan.

Permohonan2 hendak-lah sampai kepada penganjor ti-dak lewat dari 10 Julai, 1971.

Peraduan pintu gerbang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan2, peniaga2, pem-borong2, jabatan2 kerajaan dan lain2 ada-lah di-jemput untuk menyertai peraduan pin-tu gerbang.

Peraduan tersebut ada-lah sa-bahagian dari acara pe-rayaan sambutan ulang tahun hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, bagi Daerah Brunei-Muara.

Borang2 untuk menyertai peraduan itu boleh di-dapati dari Setia Usaha, Peraduan Pintu Gerbang dan Berchu-chol, Awang Asmat bin H.M. Salleh di-alamatkan di-Jabatan Kerja Raya Bahagian Ban-gunan, Bandar Seri Begawan atau berhubung melalui tali-pon nombor 2898 semasa waktu bekerja.

Pelajar2 di-seru menggunakan kemudahan2 pendidekan

(Dari Muka 1)

Amat Mulia itu menyeru ibu-bapa dan penjaga2 murid supaya memimpin anak2 mereka bagi memahami betapa perlu-nya pendidekan itu.

"Segala usaha Kerajaan dan cherdek-pandai untuk mendidek dan memberi ilmu-pengetahuan kepada anak2 negeri ini akan lum-poh, kalau ibu-bapa maseh takut atau segan untuk melaksanakan tugas2 mereka dengan penoh tanggung-jawab dan ikhlas," jelas beliau.

Yang Amat Mulia itu berharap kepada pelajar2 negeri ini akan menggunakan kemudahan2 pen-didekan dan kemasharakatan yang di-sediakan oleh Kerajaan dengan sebaik2-nya.

Ini, jelas Yang Amat Mulia itu, ada-lah untuk memimpin pelajar2 untuk menjadi raayat yang ber-tanggung-jawab yang nanti-nya akan memberikan tenaga raksaksa yang terasoh dalam membangun negara dan mengekalkan Darus-salam sa-lama2-nya.

Pilihan Raya Negeri dan Daerah

BANDAR SERI BEGAWAN.

— D.Y.M.M. P a d u k a Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan kuat-kuasa yang di-berikan oleh Perlem-bagaan Negeri Brunei, 1959 telah menggantungkan perator-an2 pilihan raya bagi majlis2 mashuarat Daerah dan Negeri. Menurut Warta Kerajaan yang terbit 1 Jun, 1971 telah menyatakan bahawa perintah itu ada-lah berjalan kuat-kuasa-nya pada 24 Mei, 1971 dari Perintah Dharurat (Ma-jlis2 mashuarat Daerah), 1971.

Maka selagi suatu Pemash-horan Dharurat berkuat-kuasa, undang2 yang di-sebut-kan di-dalam jadual kepada perintah itu ada-lah di-gan-tongkan.

Jadual2 tersebut ia-lah Per-atoran2 Pilihan Raya (Pendaftaran Pengundi2), 1961; Peratoran2 Pilihan Raya (Menjalankan Pilihan2 Raya), (Majlis2 Mashuarat Daerah) 1961; dan Perintah Perlem-bagaan (Majlis2 Mashuarat Daerah dan Negeri), 1962.

Perintah ini di-laksanakan Baginda pada menjalankan Kuat-kuasa yang di-berikan oleh cheraian (3) Bab 83 dari Perlembagaan Negeri Brunei, 1959.

Perintah bagi menggantong-kan jadual2 tersebut telah di-tanda-tangani Baginda pada 22 haribulan Mei, 1971 di-Istana Darul Hana.

Ahli2 J/K dermasiswa J.H.E.U.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berkenan melantek sembilan orang ahli dalam Jawatan-kuasa Dermasiswa Jabatan Hal-Ehwal Ugama mulai 1 haribulan Jun, 1971.

Lantekan itu ada-lah ter-masuk Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama yang memeg-ang jawatan sa-bagai penge-rusi dalam jawatankuasa ter-sebut.

Ahli2 lain dalam jawatan-kuasa itu ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya,

Pengiran Haji Momin bin Pengiran Othman; Yang Ber-hormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja, Dato Utama (Dr.) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri; Yang Mulia Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Mohd. Yusof; Yang Mulia Awang Yahya bin Haji Ibra-him; Yang Mulia Awang Abd. Saman bin Kahar; Yang Mulia Awang Abd. Rahman bin Khatib Abdullah; dan Yang Mulia Awang Haji Md. Hashim bin Haji Tahir.

Setia Usaha dalam jawatan-kuasa itu ia-lah Yang Mulia Awang Abd. Hamid bin Mohd. Daud.

Perkahwinan Diraja

(Dari muka 1)

Pada 5 Julai: — Istiadat Meng-hantar Tanda Diraja.

Pada 6 Julai: — Istiadat Meng-hantar Pertunangan Diraja.

Pada 8 Julai: — Istiadat Akad Nikah Diraja di-Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Pada 10 Julai: — Istiadat Ber-bedak Diraja.

Pada 13 Julai: — Istiadat Beri-nai Diraja.

Pada 17 Julai: — Istiadat Peng-antin Diraja Muleh Tiga Hari.

Pada 19 Julai: — Majlis Per-santapan Diraja di-Tanam Istana Darul Hana.

Pada 22 Julai: — Istiadat Me-nutup Gendang Jaga-Jaga dan Membacha Do'a Selamat.